

JANUARI



BULETIN MAQIS 2026



Selamat Tahun Baru 2026

“Selamat Tahun Baharu 2026,
Bersama Membina Masa Depan
Lebih Cemerlang.”

Ikhlas Daripada

KETUA PENGARAH DAN SELURUH WARGA KERJA
JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN
PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

1 Januari 2026 | Changlun, Kedah



PROGRAM INFAK PRIHATIN BERSAMA PUSPANITA MAQIS NEGERI KEDAH

Program Infak Prihatin bersama PUSPANITA MAQIS Negeri Kedah telah diadakan sebagai satu inisiatif kebajikan dan tanggungjawab sosial bagi membantu golongan yang memerlukan. Program ini bertujuan untuk menyemai nilai keprihatinan, memupuk semangat berkongsi rezeki serta memperkukuh budaya kebajikan dalam kalangan warga MAQIS. Sumbangan yang dikumpulkan telah disampaikan kepada penerima sebagai usaha mengeratkan silaturahim dan mempertingkatkan semangat kerjasama.



11 Januari 2026 | Bukit Kayu Hitam, Kedah

PROGRAM JOM BRISKWALK

Program Jom Briskwalk anjuran MAQIS Negeri Kedah bersama PUSPANITA MAQIS Negeri Kedah telah berlangsung dengan jayanya di Bukit Kayu Hitam.

12 Januari 2026 | Putrajaya

KUNJUNGAN HORMAT U.S. GRAINS & BIOPRODUCTS COUNCIL KE JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) telah menerima kunjungan hormat daripada U.S. Grains & Bioproducts Council (USGBC). Sesi tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah MAQIS, Dr. Azhari Sharidan bin Abu Bakar.



14 Januari 2026 | Kuantan, Pahang

**KUNJUNGAN HORMAT KOMANDER
AKPS PELABUHAN KUANTAN KE
PEJABAT MAQIS NEGERI PAHANG /
TERENGGANU**

Tuan Jaeh bin Saliman, Pengarah MAQIS Negeri Pahang/Terengganu telah menerima kunjungan hormat daripada Puan Farah Azura binti Mohd Shargawi selaku Komander AKPS Pelabuhan Kuantan di Pejabat MAQIS Negeri Pahang/Terengganu.



16 Januari 2026 | Kuantan, Pahang

**KUNJUNGAN HORMAT PENGURUS
KORPORAT LEMBAGA PELABUHAN
KUANTAN KE PEJABAT MAQIS
NEGERI PAHANG/TERENGGANU.**

Tuan Jaeh bin Saliman, Pengarah MAQIS Negeri Pahang/Terengganu telah menerima kunjungan hormat daripada Encik Mohd Usman bin Abdul Aziz selaku Pengurus Korporat Lembaga Pelabuhan Kuantan di Pejabat MAQIS Negeri Pahang/Terengganu.





15 Januari 2026 | Putrajaya

MAJLIS AMANAT KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAHUN 2026 "MEMPERCEPAT PELAKSANAAN, MEMPERHEBAT REFORMASI"

YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara telah menyampaikan Amanat Ketua Setiausaha Negara Tahun 2026 bertemakan "Mempercepat Pelaksanaan, Memperhebat Reformasi" bertempat di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya.

Majlis turut dihadiri Ketua Pengarah MAQIS, Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman, bersama barisan pengurusan tertinggi MAQIS serta pegawai-pegawai yang terlibat.



15 Januari 2026 | Putrajaya

KUNJUNGAN HORMAT UNITED STATES DEPARTMENT OF AGRICULTURE - ANIMAL AND PLANT HEALTH INSPECTION SERVICE(USDA-APHIS)

MAQIS telah menerima kunjungan hormat daripada United States Department Of Agriculture -Animal And Plant Health Inspection Service (USDA-APHIS) yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah MAQIS, Dr. Azhari Sharidan bin Abu Bakar.



21 Januari 2026 | Selangor

KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH MAQIS NEGERI SELANGOR KE KOMANDER AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN (AKPS) KLIA

Pengarah MAQIS Negeri Selangor, Tuan Abdul Muhyi bin Mohamad Hatta telah melakukan satu kunjungan hormat ke atas Komander AKPS KLIA, Tuan Mohd Safrie bin Zakaria.



21 Januari 2026 | Lumut, Perak

LAWATAN KERJA PENGARAH MAQIS NEGERI PERAK

Pengarah MAQIS Negeri Perak telah mengadakan lawatan kerja ke dua (2) jeti persendirian di sekitar Lumut, Perak iaitu Jeti Persendirian Malayan Flour Mills Berhad dan Jeti Persendirian Sungai Dindings Enterprise Sdn Bhd. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau operasi jeti, tahap pematuhan terhadap prosedur serta keperluan kawalan dan penguatkuasaan di bawah seliaan MAQIS.



28 Januari 2026 | Banda Hilir, Melaka

PROGRAM KECERGASAN ZUMBA & SENAMROBIK ANJURAN MAQIS MELAKA / NEGERI SEMBILAN

Program ini telah dianjurkan dengan kerjasama pegawai MAQIS dari ibu pejabat serta mendapat penyertaan daripada pelbagai agensi dan kakitangan Kompleks ICQS Melaka



29 Januari 2026 | Segamat, Johor

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL (CSR) DENGAN KERJASAMA JPKK KAMPUNG KENANGAN, BATU ANAM, SEGAMAT, JOHOR.

Program Tanggungjawab Sosial (CSR) MAQIS Negeri Johor dengan kerjasama JPKK Kampung Kenangan telah berjaya dilaksanakan pada 29 Januari 2026 bertempat di Rumah Orang Tua Islam Tidak Berwaris Lelaki & Perempuan, Batu Anam, Segamat.





30 Januari 2025 | Seberang Perai, Pulau Pinang

LAWATAN KE PREMIS KUARANTIN IKAN (SWASTA) NEGERI PULAU PINANG

MAQIS Negeri Pulau Pinang telah mengadakan lawatan kerja ke Premis Kuarantin Ikan bagi memberi pendedahan secara langsung kepada para pegawai lama dan baharu berkaitan prosedur kuarantin, pematuhan peraturan import dan eksport, serta pemantauan kesihatan ikan demi memastikan keselamatan biosekuriti negara sentiasa terjamin.



Sidang Redaksi

PENAUNG

TUAN MOHAMAD SHAFFIE BIN HASSAN

Ketua Pengarah MAQIS

PENASIHAT

DR. AZHARI SHARIDAN BIN ABU BAKAR

Timbalan Ketua Pengarah MAQIS

KETUA EDITOR

MOHAMMAD FADZLI BIN MOHD NAIM

Unit Komunikasi Korporat MAQIS

EDITOR

DEL PIERO ANAK CHAMGAN

Unit Komunikasi Korporat MAQIS